

UTHM budayakan amalan wakaf

Penganjuran seminar rancak aktiviti jana ekonomi

Oleh Mohd Khairul Anam
Md Khairudin
khairul.anam@bh.com.my

Batu Pahat: Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) komited mengetengahkan budaya wakaf dalam kalangan masyarakat melalui penganjuran seminar 'Munaqasah Ilmu Pengurusan Wakaf Institusi Pendidikan' yang diadakan di sini, baru-baru ini.

Program itu membabitkan kerjasama Pusat Endowmen dan Wakaf UTHM, Jabatan Wakaf dan Haji (JAWHAR), Jabatan Perdana Menteri serta Majlis Agama Islam Negeri Johor.

Majlis perasmian program berkenaan disempurnakan Penasihat Wakaf UTHM merangkap Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Datuk Dr Nooh Gadot.

Nooh berkata, UTHM melaksanakan program Wakaf Tunai Pendidikan sejak 2017 hingga kini, di mana dana terkumpul itu dimanfaatkan bagi aktiviti

serta kebajikan pelajar.

"Dana wakaf yang terkumpul akan diagihkan kepada pelajar melalui pembayaran biasiswa, bantuan kewangan, bayaran yuran serta aktiviti kebajikan seperti penyelidikan dan pembangunan," katanya ketika berucap pada majlis itu.

Yang turut hadir ialah Timbalan Ketua Pengarah JAWHAR, Jaafar Ismail.

Penganjuran seminar itu bertujuan memberi kesedaran dan pendedahan kepada institusi pendidikan khususnya di Johor dan Melaka untuk melaksana wakaf serta merencanakan lagi aktiviti pendidikan berasaskan wakaf.

Pada masa sama, bagi menggalakkan institusi pendidikan terbabit menjana ekonomi melalui aktiviti wakaf, sekali gus mengurangkan kebergantungan dana daripada kerajaan.

Seramai empat panel membentangkan kertas kerja masing-masing merangkumi pelbagai tajuk berkaitan pengurusan wakaf institusi pendidikan, berpandukan model panduan pengurusan wakaf di dalam dan luar negara.

Mereka terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Penasihat Wakaf UTHM, Prof Dr Ismail Omar, Pegawai Syariah Pusat Endow-



Dr Nooh (empat dari kanan) menyempurnakan pelancaran dua produk wakaf baharu UTHM iaitu Wakaf Harta Intelek dan Wakaf Khidmat Perundingan Profesional di Kampus Induk UTHM di Batu Pahat, baru-baru ini.

men dan Wakaf UTHM, Mustapahayuddin Abdul Khalim, Pengarah Wakaf serta Endowmen

UTHM, Prof Sr Dr Wan Zahari Wan Yusoff dan Pegawai Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan

Endowmen (WAZAN) Universiti Putra Malaysia (UPM), Nurliman Ibrahim.